

Tahap Persediaan Siswa Guru Melalui Konsep 5 Mim Dalam
Latihan Praktikum Di IPG Kampus Pendidikan Islam

Norliza Binti Nor Hashim
norliza_norhashim@yahoo.com
IPG Kampus Pendidikan Islam

Razaleigh Muhamad@Kawangit, PhD.
raza@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Program Latihan Praktikum yang sistematik, berasaskan sekolah dan bersifat *developmental*, dapat membina, menguasai dan mengukuhkan ilmu profesional perguruan untuk menjadi guru permulaan yang berkesan. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap persediaan siswa guru dari sudut kualiti diri melalui Konsep 5 MIM iaitu *mudarris, muaddib, murabbi, mursyid* dan *muallim* semasa menjalani latihan praktikum di sekolah. Kajian ini ialah kajian tinjauan *cross-sectional* secara kuantitatif. Sampel yang terdiri dari 310 orang siswa guru IPG Kampus Pendidikan Islam yang terdiri dari 6 kohort dari ambilan Januari 2013 hingga Jun 2016, opsyen Pengajian Agama dan Bahasa Arab. Sampel yang dipilih daripada populasi berbentuk persampelan selari (*parallel sample design*). Dapatkan kajian ini, menggunakan statistik deskriptif *bivariate* dan statistik inferensi. Dapatkan menunjukkan berdasarkan Konsep 5 MIM, didapati tahap persediaan kualiti diri siswa guru Murabbi adalah paling dominan iaitu siswa guru lelaki (Min 4.609, SP 0.421) dan siswa guru perempuan (Min 4.565, SP 0.450). Dapatkan kajian untuk latihan praktikum menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara siswa guru opsyen Pengajian Agama dan Bahasa Arab dalam item perancangan sebelum Pengajaran dan Pembelajaran iaitu 0.114 ($P<0.05$), pelaksanaan semasa Pengajaran dan pembelaran iaitu 0.087 ($P<0.05$) dan dalam item sikap dan sahsiah sepanjang latihan praktikum iaitu 0.754 ($P<0.05$). Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam item amalan refleksi semasa latihan praktikum antara siswa guru opsyen Pengajian Agama dan Bahasa Arab iaitu 0.000 ($P<0.05$). Implikasi kajian adalah untuk memantapkan persediaan siswa sebagai bakal guru dan bakal penjawat awam yang profesional seperti yang dihasratkan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan seterusnya bagi memenuhi hasrat Transformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025.

Kata Kunci : Latihan Praktikum, Siswa Guru, Konsep 5 MIM iaitu *mudarris, muaddib, murabbi, mursyid* dan *muallim*

Abstract

The systematic Practicum Training programme is school based and progressive. It can build, control and strengthen teaching professionals to become effective novis teachers. The purpose of this study is to examine the level of preparation of undergraduate teachers from the perspective of self quality through the 5 MIM Concept ; mudarris, muaddib, murabbi, mursyid and muallim while undergoing practicum training at school. This study is quantitatively a cross-sectional survey study. Samples consisting of 310 undergraduate teachers of IPG Islamic Education Campus comprising 6 cohorts from January 2013 to June 2016 intake, option of. The sample selected from the population is parallel sample design. The findings of this study, using descriptive statistics of bivariate and inferential statistics. The findings show that based on the concept of 5 MIM, it is found that Murabbi teachers' is the most dominant in male undergraduate teachers (Min 4.609, SP 0.421) and female undergraduate

teachers (Min 4.565, SP 0.450). The findings of the practicum training show that there is a significant difference between the Islamic Studies and Arabic Language Studies options teachers in the planning items before the teaching and learning of 0.114 (P <0.05), the current implementation of teaching and learning is 0.087 (P <0.05) and in attitude and personality items throughout the training practice of 0.754 (P <0.05). However, there were no significant differences in reflection practice items during the practice exercises between Islamic Studies and Arabic Language Studies option undergraduate teachers ie 0.000 (P <0.05). The implications of the study are to strengthen the undergraduate teachers' preparation as the prospective teachers and professional civil servants as intended by the Malaysia Blue Print Plan 2013-2025 and beyond to fulfill the Transformation of the Teacher Education Institute 2016-2025.

Keywords: Practicum Exercise, undergraduate teachers , 5 MIM Concept namely mudarris, muaddib, murabbi, mursyid and muallim

Profesional keguruan menuntut setiap siswa guru terutama di Institut Pendidikan Guru (IPG) sentiasa berusaha untuk meningkatkan potensi dan kredibiliti dan kualiti diri dari pelbagai aspek dan bidang keilmuan sebagai persediaan untuk menjadi seorang guru, kerana di bahu mereka lah terpikulnya satu tanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang menjadi harapan agama, bangsa dan negara. Kenyataan daripada kata-kata aluan Dr. Sariah binti Abd. Jalil, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), juga mengharapkan siswa guru mempersiapkan diri secukupnya selaras matlamat yang dihasratkan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).(IPGM 2017).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan tanggungjawab penuh kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk melatih siswa guru ini melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PPISMP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PISMP). Program ini sejajar dengan apa yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Al-Kaylani (2002:69), berpendapat Falsafah Pendidikan dalam Islam mampu melahirkan umat Islam sebagai seorang individu yang berdaya tahan serta dapat menghubungkan pelajar dengan kehidupan sebenar.

Melalui latihan praktikum, siswa guru akan dibimbing dan diselia oleh pensyarah penyelia dari IPG dan guru pembimbing sebagai wakil dari pihak sekolah. (Shamsudin Mohamad dan Kamarul Azmi Jasmi.2014). Program Amalan profesional ini menekankan pengalaman klinikal dan bimbingan melalui pengalaman berasaskan sekolah, praktikum, internship, latihan industri, dan *service learning* yang dilaksanakan sepanjang pengajian untuk mengaplikasikan teori dalam situasi sebenar (KPM 2014). Tahap persediaan kualiti diri siswa guru melalui konsep 5 MIM (Kamarul Azmi Jasmi, 2011) iaitu mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim,membuktikan bahawa adalah penting bagi siswa guru memiliki ketokohan memimpin, keperibadian mulia, bersifat kasih sayang, berjiwa luhur, sentiasa melaksanakan tanggungjawab membimbing dan memimpin anak didiknya dan sentiasa berusaha untuk melengkapkan dan memantapkan diri sebagai bakal pendidik yang profesional, berwibawa serta berintegriti (Shamsina Shamsuddin dan Akhiar Pardi. 2015). Sikap ini amat penting dalam merealisasikan apa yang dihasratkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) seteruskan ini membuktikan keunggulan seseorang bakal pendidik.

Penyataan Masalah

Dalam konteks latihan keguruan praperkhidmatan di Institut Pendidikan Guru (IPG), bimbingan pengajaran sering dikaitkan dengan penyeliaan pengajaran yang bertujuan untuk

memudahkan pencapaian matlamat dengan mengekalkan kualiti persekitaran yang sesuai dengan kebolehan kumpulan siswa guru. Kejayaan bimbingan dan penyeliaan pengajaran melibatkan proses pengaruh sosial untuk mengurus, mengarah dan memotivasi siswa guru (Page 2002; Park & Henkin 2005; Suseela 2005: 161-174).

Tahap kesediaan, minat dan sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana (Baharin Abu 2006), keyakinan diri dalam menyampaikan isi pelajaran masih rendah (Hashim Othman et.al 2001). Kajian oleh Ab. Halim et. al. 2010, mengatakan tentang kesukaran guru-guru Pendidikan Islam untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran. Seterusnya menurut Zakaria Abdullah (2011) dalam kajiannya tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar mendapati guru-guru Pendidikan Islam dapat melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar tetapi tahapnya masih perlu ditambahbaik.

Permasalahan yang telah dikemukakan turut dialami oleh siswa guru semasa latihan praktikum iaitu mereka sukar untuk menggabungkan kemahiran dan keilmuan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), di mana mereka tidak mahir untuk mengembangkan isi pelajaran dengan baik, sukar mengaplikasikan teori kepada konteks sebenar di bilik darjah, teragak-agak dalam mempraktikkan kemampuan dan prestasi sebenar mereka dalam pengajaran, bermasalah meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar, bermasalah untuk menyediakan alat bantu mengajar dan terlalu terikat dengan penggunaan buku teks sahaja (T. Subahan Mohd Meerah dan Syed Ismail Syed Mustapha, 2014).

Berdasarkan beberapa kajian yang lepas, pengkaji mendapati perlunya ada satu kajian untuk melihat adakah latihan praktikum dapat membantu siswa guru sebagai persediaan menjadi guru terlatih, melalui kaedah-kaedah penyeliaan yang berkesan. (Shamsudin Mohamad dan Kamarul Azmi Jasmi.2014). Seterusnya kajian ini juga akan mengaitkan konsep 5 MIM bagi melihat tahap kualiti bakal guru setelah tamat pengajaran di IPG.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti item yang paling dominan melalui konsep 5 MIM untuk mengukur kualiti diri siswa guru.
2. Mengenalpasti tahap persediaan kualiti diri siswa guru mengikut opsyen di dalam latihan praktikum.

Soalan Kajian

Beberapa persoalan kajian seperti berikut:-

1. Apakah item yang paling dominan berdasarkan konsep 5 MIM dalam mengukur kualiti diri siswa guru sebagai persediaan sebelum menjadi guru terlatih.
2. Apakah tahap perancangan sebelum PdP, pelaksanaan semasa PdP, amalan refleksi dan sikap & sahsiah siswa guru semasa latihan praktikum.

Tinjauan Literatur

Tahap persediaan siswa guru diukur melalui salah satu program yang telah disusun oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan IPG iaitu latihan praktikum. Semasa latihan praktikum, siswa guru akan dibimbang dan diselia oleh pensyarah penyelia dari IPG dan guru pembimbing

sebagai wakil dari pihak sekolah. Pensyarah penyelia dan guru pembimbing akan menggunakan Borang PR1 (Lampiran 2-8b) sepanjang proses bimbingan dan penyeliaan, borang PR2 (Lampiran 2-16) untuk perbincangan penyeliaan bersama antara pensyarah penyelia dan guru pembimbing pada akhir segurutiap praktikum. (KPM 2014)

Kekuatan kepada kajian ini, pengkaji akan menilai tahap persediaan kualiti diri siswa guru melalui konsep 5 MIM iaitu mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim. Kajian lepas oleh Ab. Halim Tamuri dan Khairulazman Ajuhary (2010), bertajuk amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim mengatakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, guru Pendidikan Islam pada pandangan masyarakat merupakan contoh terbaik atau role model yang membentuk insan yang berakhhlak dan bertakwa.

Kajian seterusnya oleh Ab Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2012), mengatakan dalam pengajaran Pendidikan Islam, guru bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, meningkatkan penguasaan dan penghayatan ilmu kepada pelajar, namun berperanan sebagai pendorong sikap dan tingkahlaku pelajar ke arah kebaikan melalui pendekatan yang berhikmah. Kajian oleh Khairul Anwar bin Abu Bakar (2014) berkaitan “Tahap Kesediaan Siswa guru Institut Pendidikan Guru dalam latihan Praktikum, mendapati tahap kesediaan 42 orang siswa guru Reka Bentuk Teknologi IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat berada pada tahap yang tinggi semasa menjalani latihan mengajar. Namun terdapat masih terdapat beberapa masalah telah dikenal pasti dan beliau telah mengemukakan cadangan bagi memantapkan lagi tahap kesediaan kualiti diri siswa guru tersebut bertepatan dengan Anjakan 4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan.

Kajian ini akan melihat item yang terdapat di dalam latihan praktikum, namun ianya dilihat dari sudut kualiti guru dalam konsep 5 MIM bagi menilai kualiti guru yang paling dominan di kalangan siswa sepanjang mereka menjalani latihan praktikum.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini ialah kajian tinjauan secara kuantitatif. Menurut Abdul Fatah dan Mohd. Majid (1993) dalam Ghazali Darusalam et.al (2016 : 211), kaedah survei (tinjauan atau penerokaan) adalah juga termasuk dalam kajian deskriptif. Pengkaji menggunakan tinjauan *cross-sectional* di mana maklumat yang dikumpulkan daripada sampel yang dipilih dari populasi yang telah dikenal pasti. Ia terdiri daripada populasi dan subpopulasi yang dinamakan sebagai bentuk persampelan selari (*parallel sample design*). Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan statistik deskriptif *bivariate*, iaitu ada dua set taburan (siswa guru opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Arab) dan statistik inferensi. Kajian ini dijalankan di IPG Kampus Pendidikan Islam berikutan dari surat pekeliling dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) KP (IPG) 8484/100/1/1 Jld 21 (5) berkenaan Program Kebitaraan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) 2015, bertarikh 3 Jun 2015 telah meluluskan penetapan program kebitaraan bagi setiap IPGK seluruh Malaysia. Berdasarkan Program Kebitaraan IPGM ini, IPG Kampus Pendidikan Islam telah terpilih untuk melaksanakan major Pendidikan Islam sebagai Program 1 dan Bahasa Arab sebagai Program 2.

Persampelan

Di dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada 6 kohort pengambilan siswa guru PISMP iaitu mulai Januari 2013 hingga Jun 2016. Keseluruhan populasi kajian adalah siswa guru PISMP yang

telah menjalani latihan praktikum pada Semester 5, 6 dan 7 mulai tahun pengambilan Januari 2013 hingga Jun 2016. Kesemua mereka adalah dari major Pendidikan Islam dan minor/elektif Bahasa Arab, dan major Bahasa Arab dan minor/ elektif Pendidikan Islam (Ahmad Munawar Ismail,Mohd Nor Shahizan Ali.2015)

Pengumpulan Data

Data bagi kajian tinjauan yang dipilih ini dikutip setelah siswa guru tamat menjalani latihan praktikum. Soal selidik ini telah ditadbirkan kepada siswa guru opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.. Siswa guru diterangkan tujuan dan kepentingan penyelidikan adalah untuk masa depan profesi perguruan. Soal selidik diberikan dan siswa guru menjawab dalam masa yang ditetapkan. Data soal selidik yang diperolehi ini dikodkan dalam borang yang disediakan, dan seterusnya dimasukkan ke dalam perisian komputer. Item soal selidik ini, merupakan item yang terdapat di dalam latihan praktikum yang diubahsuai dari (borang PR1), bertujuan untuk menguji kualiti diri siswa guru siswa guru melalui konsep 5MIM iaitu muddaris, muaddib, murabbi, mursyid, dan muallim. Taburan item soalan di dalam bahagian ini, juga bertujuan untuk menilai konsep 5 MIM yang paling dominan untuk membuktikan kualiti diri siswa guru. Taburan item ciri 5MIM iaitu muddaris, muaddib, murabbi, mursyid, dan muallim dinyatakan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Bahagian B: Item Ciri 5M iaitu muddaris, muaddib, murabbi, mursyid, dan muallim

| Ciri 5M | Nombor Soalan | Bilangan soalan |
|----------|--|-----------------|
| Mudarris | B01, B03, B05, B06, B10 B24, B26, B31 | 8 |
| Muaddib | B02, B16, B18, B25, B27 B32, B33, B39 | 8 |
| Murabbi | B04, B07, B08, B09, B13 B30, B34, B35 | 8 |
| Mursyid | B15, B21, B23, B28, B29 B36, B37, B40 | 8 |
| Muallim | B11, B12, B14, B17, B19, B20,B22,B38 | 8 |
| Jumlah | | 40 |

Penganalisan Data

Data-data yang diperoleh akan dianalisis berdasarkan objektif kajian dan soalan kajian yang dibangunkan. Dalam kajian ini, penggunaan *Statistical Package of Social Science (SPSS)* versi 23.0 digunakan untuk memudahkan analisis data dan dapatan kajian. Penggunaan pengaturcaraan SPSS bagi menganalisis data berstatistik dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat. (Mohd Majid, 2005 : 23). Tujuan analisis ini adalah bagi memperolehi maklumat berkaitan frekuensi dan ujian t. Manakala min dan sisihan piawai dihitung untuk menentukan kualiti diri siswa guru. Pengukuran penilaian min adalah berdasarkan sumber Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Interpretasi jawapan responden dibahagikan kepada lima kategori seperti dalam jadual 2

Jadual 2
Interpretasi jawapan responden

| Nilai Skor Min | Interpretasi |
|----------------|--------------------|
| 1.00 – 1.89 | Sangat Rendah (SR) |
| 1.90 – 2.69 | Rendah (R) |
| 2.70- 3.49 | Sederhana (S) |
| 3.50 – 4.29 | Tinggi (T) |
| 4.30 – 5.00 | Sangat Tinggi (ST) |

Terdapat dua jenis statistik yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi.

1. Analisis diskriptif juga digunakan untuk melihat tahap kualiti siswa guru yang paling dominan di dalam latihan praktikum. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini ialah min dan sisisian piawai
2. Analisis inferensi melalui ujian t, untuk melihat perbezaan di antara dua kumpulan iaitu siswa guru opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dalam item latihan praktikum. (Bhasah Abu Bakar 2007).

Hasil kajian rintis, ujian analisis kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik Bahagian B untuk konsep 5MIM iaitu muddaris, muaddib, murabbi, mursyid, dan muallim dalam Jadual 3.

Jadual 3
Analisis keseluruhan kesahan dan kebolehpercayaan

| Konstruk/ Sub Konstruk | Nilai alpha keseluruhan |
|---------------------------|----------------------------|
| Muddaris | .876 |
| Muaddib | .843 |
| Murabbi | .878 |
| Mursyid | .865 |
| Muallim | .884 |

Sumber: Data Penyelidikan 2017

Item-item dalam soal selidik ini boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi. Korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlations*) digunakan dalam melihat kesahan instrumen. Nilai korelasi untuk item muddaris yang mengandungi 10 item iaitu (B1,B3,B5,B6,B10B24,B26,B31) adalah antara .325 hingga .783 dan jumlah keseluruhan nilai Cronbach's Alpha iaitu .876, Nilai korelasi untuk Muaddib yang mengandungi 10 item (B2,B16,B18,B25,B27,B32, B33,B39) adalah antara .412 hingga .768 dan jumlah keseluruhan nilai Cronbach's Alpha iaitu .843, Nilai korelasi untuk Murabbi (B4,B7,B8,B9,B13,B30,B34,B35) adalah antara .378 hingga .746 dan jumlah keseluruhan nilai Cronbach's Alpha iaitu .878, Nilai korelasi untuk

item Mursyid yang mengandungi 10 item (B15,B21,B23, B28, B29,B36,B37,B40) adalah antara .505 hingga .746 dan jumlah keseluruhan nilai Cronbach's Alpha iaitu .865, akhirnya item Muallim yang mengandungi 10 item (B11, B12,B14,B17,B19,B20,B38) adalah antara .449 hingga .765 dan jumlah keseluruhan nilai Cronbach's Alpha iaitu .884

Dapatan Kajian

Dapatan dibentangkan berdasarkan data yang telah dikumpulkan melalui kaedah tinjauan. Data ini diperolehi daripada analisis soal selidik yang telah dijawab oleh seramai 310 orang responden. Berikut adalah data terperinci kajian ini yang telah dianalisis. Keseluruhan bilangan responden dipaparkan pada Jadual 4.

Jadual 4

Jumlah responden kajian berdasarkan ambilan dan opsyen

| Bil | Ambilan | Opsyen | Jumlah | Peratus (%) |
|---------------|--------------|------------------|------------------|--------------|
| 1 | Januari 2013 | Pendidikan Agama | 50 orang | 16.1 |
| | | Bahasa Arab | 40 orang | 12.9 |
| 2 | Jun 2013 | Pendidikan Agama | 30 orang | 9.6 |
| 3 | Januari 2014 | Pendidikan Agama | 20 orang | 6.5 |
| 4 | Jun 2014 | Pendidikan Agama | 20 orang | 6.5 |
| | | Bahasa Arab | 30 orang | 9.6 |
| 5 | Jun 2015 | Pendidikan Agama | 25 orang | 8.0 |
| | | Bahasa Arab | 28 orang | 9.0 |
| 6 | Jun 2016 | Pendidikan Agama | 47 orang | 15.1 |
| | | Bahasa Arab | 20 orang | 6.6 |
| Jumlah | | | 310 orang | 100.0 |

Sumber: Data Penyelidikan 2017

Analisis Latar Belakang Responden

Jadual 5

Responden kajian berdasarkan jantina

| Jantina | Frekuensi | Peratus |
|---------------|------------|----------|
| Lelaki | 112 | 36.1 |
| Perempuan | 198 | 63.9 |
| Jumlah | 310 | 1 |

Sumber: Data Penyelidikan 2017

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Terdapat 112 orang responden lelaki yang mewakili 36.1% dan 198 orang responden perempuan yang mewakili 93.9%.

Jadual 6
Responden berdasarkan opsyen

| Opsyen | Frekuansi | Peratus |
|-----------------|------------|--------------|
| Pengajian Agama | 192 | 61.9 |
| Bahasa Arab | 118 | 38.1 |
| Jumlah | 310 | 100.0 |

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Terdapat 192 orang responden dari opsyen Pengajian Agama yang mewakili 61.9% dan 118 orang responden opsyen Bahasa Arab yang mewakili 38.1%.

Dapatan bagi Soalan Kajian 1

Dapatan kajian akan melihat kepada perbezaan min dan sisihan piawai bagi mengukur item yang paling dominan antara responden lelaki dan perempuan sepanjang menjalani latihan praktikum. Ini dibuktikan pada Jadual 7.

Jadual 7
Konsep 5 MIM mengikut jantina (N= 310)

| 5 MIM | Jantina | MIN | Sisihan Piawai |
|-----------------|-----------|-------|----------------|
| <i>Mudarris</i> | L (N=112) | 4.468 | 0.402 |
| | P (N=198) | 4.273 | 0.412 |
| <i>Muaddib</i> | L (N=112) | 4.599 | 0.370 |
| | P (N=198) | 4.437 | 0.408 |
| <i>Murabbi</i> | L (N=112) | 4.609 | 0.421 |
| | P (N=198) | 4.565 | 0.450 |
| <i>Mursyid</i> | L (N=112) | 4.594 | 0.348 |
| | P (N=198) | 0.438 | 0.412 |
| <i>Muallim</i> | L (N=112) | 4.585 | 0.465 |
| | P (N=198) | 4.468 | 0.479 |

Berdasarkan analisis kajian di atas menunjukkan, perincian analisis responden lelaki keseluruhannya (N = 112). Item konsep yang paling tinggi iaitu murabbi (min=4.609), diikuti oleh

muaddib (min=4.599), seterusnya mursyid (min=4.594), muallim (min=4.585) dan akhirnya mudarris (min= 4.468). Perincian analisis responden perempuan secara keseluruhannya (N= 198). Item konsep yang paling tinggi iaitu murabbi (min= 4.565), dikuti muallim (min = 4.468), seterusnya muaddib (min= 4.437), mursyid (min = 4.422) dan akhirnya mudarris (min= 4.273). Di sini jelas membuktikan kualiti siswa guru lelaki yang paling dominan iaitu murabbi (min = 4.609) dan kualiti siswa guru perempuan yang paling dominan iaitu murabbi (min= 4.565). Walaubagaimanapun secara keseluruhannya interpretasi dari analisis item konsep 5 MIM untuk keseluruhan responden adalah sangat tinggi iaitu min yang melebihi 4.30. Dari analisis ini membuktikan tahap persediaan kualiti diri siswa guru berdasarkan konsep 5 MIM berada pada tahap yang sangat tinggi.

Dapatkan bagi Soalan Kajian 2

Ho 1 Tidak terdapat perbezaan antara item perancangan siswa guru sebelum PdP, pelaksanaan siswa guru semasa PdP, amalan refleksi, sikap dan sahsiah dalam latihan praktikum mengikut opsyen.

- a) **Ho 1a Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam item perancangan sebelum PdP mengikut opsyen.** Berdasarkan Jadual 8.

Jadual 8

Ujian- t perbezaan tahap perancangan sebelum PdP berdasarkan B1-B10

| Perancangan sebelum PdP | | <i>Levene's Test for Equality of variances</i> | | <i>t-test for Equality of Means</i> | | | |
|-------------------------|-----|--|-------|-------------------------------------|-----|-------|----------------|
| Opsyen | N | Min | F | Sig | df | t | Sig (2 tailed) |
| PA | 192 | 4.034 | 0.049 | 0.825 | 308 | 1.584 | 0.114 |
| BA | 118 | 3.955 | | | | | |

Tahap Signifikan $P<0.05$

Analisis keseluruhan untuk aspek perancangan sebelum PdP (B1-B10) berdasarkan jadual 9 menunjukkan, *ujian t-test for Equality of Means* didapati nilai $t=1.584$, $df = 308$, $Sig. (2 tailed) = 0.114$ untuk menentukan kewujudan perbezaan antara kedua-dua opsyen. Oleh sebab nilai $Sig. (2 tailed) = 0.114 (<0.05)$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan skor antara siswa guru (SG) Pengajian Agama (PA) dan Bahasa Arab (BA). Tahap kualiti SG PA untuk aspek perancangan sebelum PdP semasa latihan praktikum (min = 4.034) adalah lebih tinggi dari tahap SG BA (min=3.955)

- b) **Ho 1b Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam item pelaksanaan PdP dan item mengikut opsyen.** Berdasarkan Jadual 9.

Jadual 9 :

Ujian- t perbezaan tahap pelaksanaan semasa praktikum berdasarkan item B11- B20

| Item | | | | Levene's Test for Equality of variances | | | t-test for Equality of Means | |
|------------------------|--------|---|-----|---|-----|----|------------------------------|-----|
| Pelaksanaan semasa PdP | Opsyen | N | Min | f | Sig | df | t | Sig |

| | | | | | | | | (2 tailed) |
|--|----|-----|-------|-------|-------|-----|-------|------------|
| | PA | 192 | 4.468 | 0.452 | 0.502 | 308 | 1.716 | 0.087 |
| | BA | 118 | 4.376 | | | | | |

Tahap Signifikan P<0.05

Analisis keseluruhan untuk aspek perancangan sebelum PdP berdasarkan Jadual 10 menunjukkan, menunjukkan, *ujian t-test for Equality of Means* didapati nilai $t=1.716$, $df = 308$, $Sig. (2 tailed) = 0.087$. Oleh sebab nilai $Sig. (2 tailed) = 0.087 (<0.05)$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan skor antara siswa guru (SG) Pengajian Agama (PA) dan Bahasa Arab (BA). Tahap kualiti SG PA untuk aspek pelaksanaan semasa latihan praktikum ($min = 4.468$) adalah lebih tinggi dari tahap SG BA ($min=4.376$)

- c) **Ho 1c Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam item amalan refleksi, sepanjang tempoh praktikum mengikut opsyen.** Berdasarkan Jadual 10

Jadual 10

Ujian – t perbezaan tahap amalan refleksi semasa praktikum berdasarkan item B21- B30

| Item | | | | Levene's Test for Equality of variances | | t-test for Equality of Means | |
|-------------------------|------------------|--------|---|---|---|------------------------------|-------------------|
| Amalan semasa praktikum | Refleksi latihan | Opsyen | N | Min | f | Sig | df |
| | | | | | | | t |
| | | | | | | | Sig (2 tailed) |

PA 192 4.478 0.452 0.502 308 5.077 0.000
BA 118 4.241

Tahap Signifikan P<0.05

Analisis keseluruhan untuk aspek perancangan sebelum PdP berdasarkan Jadual 11 menunjukkan, menunjukkan, *ujian t-test for Equality of Means* didapati nilai $t=1.716$, $df = 308$, $Sig. (2 tailed) = 0.000$. Oleh sebab nilai $Sig. (2 tailed) = 0.000 (<0.05)$. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan secara signifikan skor antara siswa guru (SG) Pengajian Agama (PA) dan Bahasa Arab (BA). Tahap kualiti SG PA untuk aspek amalan refleksi semasa latihan praktikum ($min = 4.478$) adalah lebih tinggi dari tahap SG BA ($min=4.241$)

- d) **Ho 1d Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam item sikap dan sahsiah mengikut opsyen.** Berdasarkan Jadual 11.

Jadual 11

Ujian – t perbezaan tahap sikap dan sahsiah semasa praktikum berdasarkan item B31-B40

| Item | | | | Levene's Test for Equality of variances | | t-test for Equality of Means |
|------|--|--|--|---|--|------------------------------|
| | | | | | | |

| Sikap dan sahsiah semasa latihan praktikum | Opsyen | N | Min | f | Sig | df | t | Sig |
|--|--------|-----|-------|-------|-------|-----|-------|------------|
| | | | | | | | | (2 tailed) |
| | PA | 192 | 4.662 | 2.391 | 0.123 | 308 | 0.313 | 0.754 |
| | BA | 118 | 4.647 | | | | | |

Tahap Signifikan P<0.05

Analisis keseluruhan untuk aspek sikap dan sahsiah berdasarkan Jadual 12, menunjukkan, *ujian t-test for Equality of Means* didapati nilai $t=0.313$, $df = 308$, $\text{Sig. (2 tailed)} = 0.754$. Oleh sebab nilai $\text{Sig. (2 tailed)} = 0.754 (<0.05)$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan skor antara siswa guru (SG) Pengajian Agama (PA) dan Bahasa Arab (BA). Tahap kualiti SG PA untuk aspek sikap dan sahsiah semasa latihan praktikum ($\text{min} = 4.662$) adalah lebih tinggi dari tahap SG BA ($\text{min}=4.647$). Dari analisis menunjukkan adanya perbezaan min antara SG PA dan SG BA dalam persediaan kualiti diri siswa guru mereka melalui latihan praktikum mengikut item-item yang telah ditetapkan dalam sikap dan sahsiah.

Perbincangan Dan Cadangan

Keputusan kajian mendapati melalui konsep 5 MIM, item yang paling dominan untuk siswa guru lelaki iaitu murabbi (Min 4.609 SP 0.421) dan diikuti oleh item muaddib, mursyid, muallim dan mudarris. Item yang paling dominan dikalangan siswa guru perempuan iaitu (Min 4.565, SP 0.450) dan dikuti oleh item muallim, mursyid, muaddib dan mudarris. Hasil kajian ini didapati tidak selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Ab. Halim, T. Shahrin, Kamarulzaman (2006), berkaitan guru berteraskan 5M berdasarkan amalan di dalam pengajaran Pendidikan Islam. Keputusan kajian menunjukkan item muaddib paling dominan dan diikuti oleh murabbi, mursyid, muallim dan mudarris. Kajian ini juga tidak selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Ab. Halim Tamuri dan Khairulazman Ajuhary (2010) yang mengatakan konsep guru muallim adalah contoh terbaik atau role model dalam membentuk insan yang berakhlik dan bertaqwa.

Namun kajian ini selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2011), yang menekankan tugas guru menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab, pembangunan akhlak dan pembentukan sahsiah pelajar dan seterusnya menganggap guru Pendidikan Islam sebagai murabbi, muaddib dan bukan semata-mata muallim. Pendapat ini turut disokong oleh Faiz et. al. (2012), yang menekankan peranan guru Pendidikan Islam sebagai pendakwah yang menekankan tentang ajaran Islam dan amalan kehidupan sehari-hari kepada pelajar.

Di dalam kajian ini, ciri guru murabbi, sentiasa menerapkan nilai ketauhidan dan nilai kemanusiaan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP), sentiasa menghampirkan diri dengan pelajar dalam usaha untuk mengenali pelajar dan keluarga mereka dengan lebih dekat dan seterusnya berusaha untuk mewujudkan komunikasi berkesan dengan pelajar agar pelajar selesa berurusan dengan guru. Ini selari dengan kajian Kamarul Azmi et al (2009), iaitu tentang keperibadian guru Pendidikan Islam yang memfokuskan kepada perasaan kasih dan sayang, selalu menasihati, memberi tunjuk ajar dan sentiasa memotivasi pelajar untuk sentiasa berfikiran positif, yang merupakan salah satu penyebab berlakunya perubahan positif kepada tingkah laku pelajar.

Keputusan analisis kajian untuk melihat persediaan siswa guru melalui pelaksanaan latihan praktikum menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara siswa guru opsyen Pengajian

Agama dan Bahasa Arab dalam item perancangan sebelum PdP iaitu 0.114 ($P<0.05$), juga terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan semasa PdP iaitu 0.087 ($P<0.05$) dan terdapat perbezaan yang signifikan dalam item sikap dan sahsiah sepanjang latihan praktikum iaitu 0.754 ($P<0.05$). Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam item amalan refleksi semasa latihan praktikum antara siswa guru opsyen Pengajian Agama dan Bahasa Arab iaitu 0.000 ($P<0.05$).

Dalam kajian ini juga dapat membuktikan persediaan guru pelatih untuk kedua-dua opsyen iaitu Pengajian Agama dan Bahasa Arab,, berdasarkan item latihan praktikum, di dapat min sikap dan sahsiah sepanjang latihan praktikum adalah tertinggi iaitu ($PA=4.66$) dan ($BA= 4.64$). Namun terdapat perbezaan min untuk ketiga-tiga item latihan praktikum yang lain iaitu untuk siswa guru Pengajian Agama, min kedua tertinggi iaitu amalan refleksi (4.47), diikuti oleh pelaksanaan semasa PdP iaitu (4.46) dan akhirnya item perancangan sebelum PdP (4.03). Bagi siswa guru opsyen Bahasa Arab, min item kedua tertinggi iaitu pelaksanaan semasa PdP (4.37), diikuti amalan refleksi (4.24) dan akhirnya min item perancangan semasa PdP iaitu (3.95).

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan turut melihat persediaan siswa guru dari sudut amalan refleksi semasa latihan praktikum. Pengkaji mendapati kurangnya kajian tentang amalan refleksi dan kajian yang ada tetapi terlalu lama. Ini terbukti dari kajian oleh Salhah et. al. (1997), Norani Yaakob (1997), dan Mohd Isa Abd Razak et. al (2009) mendapati siswa guru menghadapi kesukaran dalam menilai kekuatan dan kelemahan PdP yang dijalankan di mana siswa guru sukar untuk mengenal pasti dan menganalisis masalah semasa PdP, sukar untuk mencari dan mencadangkan jalan penyelesaian.

Ini adalah alasan kukuh pengkaji untuk menggenengahkan isu tentang amalan refleksi, di samping melihat item latihan praktikum dari sudut perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pelaksanaan semasa PdP yang mendapat min yang rendah. Kematangan siswa guru menyalurkan idea melalui item amalan refleksi iaitu pemikiran reflektif, catatan refleksi dan pembinaan portfolio, pasti ianya dapat memenuhi hasrat kerajaan melalui Anjakan 4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan dan seterusnya menepati dan memenuhi kehendak Tranformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025 melalui kluster 3 iaitu “Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi”.

Kesimpulan

Kajian dapat melihat peranan buku Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional yang telah ditetapkan oleh IPG KPM yang merupakan bahan rujukan utama untuk pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pengurus sekolah dalam melaksanakan tugas bimbingan, penyeliaan dan penilaian siswa guru terutama semasa latihan praktikum. Ianya juga amat memberi sumbangan dalam menyempurnakan Program Pendidikan Guru kendalian IPG selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2103 -2025. Inilah merupakan kekuatan kepada kajian ini, terutama untuk melihat persediaan siswa guru dari sudut kualiti diri melalui konsep 5 MIM dan dari sudut pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian ini, mengenai kualiti siswa guru melalui konsep 5 MIM, didapati guru murabbi merupakan ciri guru paling dominan sepanjang latihan praktikum. Oleh itu dalam kajian yang akan datang, pengkaji berhasrat untuk memfokuskan kepada kualiti guru murabbi dan seterusnya akan melihat item-item di dalam latihan praktikum terutama item perancangan dan pelaksanaan PdP yang mendapat min yang rendah berbanding amalan refleksi, sikap dan sahsiah. Seterusnya dalam memantapkan persediaan siswa guru sebagai penjawat awam yang profesional, mereka perlu memahirkkan diri dalam amalan refleksi melalui penulisan reflektif dan catatan refleksi. Ini sebagai

persediaan kepada siswa guru dalam “Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi” bagi memenuhi hasrat Transformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025.

Rujukan

- Ab. Halim, T. Shahrin, A., Kamarulzaman, A.G., Khadijah, A. R. Zarin, I. & Mohd Aderi, C.N. (2006). Kajian amalan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. *Laporan penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*. IRPA 07-02-02-100033EAR.
- Ab. Halim Tamuri Mohamad dan Khairulazman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep *mu'allim*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(Jj, 2010 43-56
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2011). Isu pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam. dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt), *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (19-37). Bangi : Penerbit UKM.
- Ab. Halim, T., Mohd Izham, H., Khadijah, A.R., & Mohd Aderi, C. N. (2010). Kajian tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. *Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan*, UKM dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Komponen asas untuk latihan guru pendidikan islam*. GJAT. Vol. 2 ISSUE .2
- Ahmad Munawar Ismail,Mohd Nor Shahizan Ali. (2015) .*mengenali kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikan pengajaran Islam*. 2015. Bangi : Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Kaylani, Majid ‘Arrsan. (2002). *Falsafah al-tarbiyyah al Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Baharin Abu. (2006). Tahap kesediaan pedagogi guru pelatih fakulti pendidikan UTM dalam latihan mengajar. *Kertas Kerja Kolokium Fakulti Pendidikan UTM*, Fakulti Pendidikan UTM Skudai Johor.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah. Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Hashim Othman & Mohd Daud Hamzah. (2001). Latihan mengajar kendalian sekolah: Penerokaan komponen-komponen kecekapan mengajar guru pelatih pra siswazah. *Kertas kerja Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education Concorde Hotel Shah Alam pada 16-17 Julai 2001*.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Transformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025*. Cyberjaya: IPGM
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham. 2009. Keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (gcpi) sekolah menengah kepada Allah S.W.T : *Kajian Kes*. Dibentangkan dalam World Conference on Muslim Education 2009 di Blue Wave Hotel Shah Alam Malaysia Anjuran Kerajaan Negeri Sembilan dan Islamic Akademy, Cambridge, UK.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor Baru : Penerbit UTM Press.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Musa Dengan Kepujian*. Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Garis panduan pelaksanaan amalan profesional*. Institut Pendidikan Guru: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam. Pendidikan Islam di Malaysia: Isu, cabaran dan hala tuju. Dewan Seminar SEAMEO RESCAM Gelugor Pulau Pinang. 14 Mei 2016.

Kertas Kerja siri simposium kecemerlangan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2017. Anjuran Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.

Khairul Anwar bin Abu Bakar . (2014). Tahap kesediaan guru pelatih institut pendidikan guru dalam latihan mengajar. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Isa Abd Razak, Mohd Firdaus Hj Abd Salam. (2009). *Amalan refleksi semasa praktikum*. Sabah: Institut Perguruan Guru Keningau.

Muhamad Faiz, I, Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. (2012). Pemantapan peranan guru dan kaedah PdP Pendidikan Islam : Suatu agenda berterusan. *Prosiding Seminar antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam* (SEAPPI2012) ms 91 – 97.

Norani Yaacob. (1997). Ke arah guru yang reflektif. *Buletin Pendidikan*. Kota Bharu: Maktab Perguruan Kota Bharu.

Othman Talib. (2018). *SPSS Analisis data kuantitatif untuk penyelidik Muda*. Bandar Baru Bangi: MPOWS Rich Publication Sdn Bhd.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 2013. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Page, M. L. (2002). Race, culture, and the supervisory leadership: A review of literature and a call to action. *Journal of Curriculum and Supervision* 18 (2) : 161 – 174. /

Park, S & Henkin, A., Egly, R. (2005). Teacher team commitment, teamwork and trust: Exploring association Journal of Educational Administration 43 (5) : 462 -479.

Salhah Abdullah et.al., (1997). Kajian tindakan meningkatkan kemahiran membimbing guru pelatih mengakplikasikan pemikiran reflektif pedagogikal semasa praktikum. *Laporan kajian IPDA*. Kedah : Jitra.

Shamsina Shamsuddin dan Akhiar Pardi. (2015). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Bandar Baru Bangi : Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.

Shamsudin Mohamad dan Kamarul Azmi Jasmi. (2014). *Penyeliaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia Johor : Penerbit UTM Press.

Syed Ismail Syed Mustafa. (2013) Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38 (1)

T. Subahan Mohd Meerah dan Syed Ismail Syed Mustapa. (2014). Bimbingan, isu dan tips dalam praktikum. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Unit Data. Hal Ehwal Pelajar (HEP). (2016). IPG Kampus Pendidikan Islam. Bandar Baru Bangi.

Zakaria, A. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.